

5.9 LAWATAN PEMANTAUAN PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA

5.9.1 Lawatan Tapak Jawatankuasa Khas Penilaian Teknikal Bagi Projek Tanaman Secara Inovatif

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk membolehkan pihak JPS dan NAHRIM mengenal pasti dan menilai kesesuaian tapak dan seterusnya memberi nasihat teknikal bagi membantu pihak JPSP dan FRIM dalam membuat keputusan dalam program penanaman bakau dengan menggunakan teknik inovatif khususnya di kawasan pantai berisiko tinggi.



Lawatan Jawatankuasa Penilaian Teknikal Yang Dianggotai Oleh Pegawai-Pegawai NRE, NAHRIM, JPS, FRIM dan JPSP



5.9.2 Lawatan JKTB ke Sarawak

Satu lawatan tapak dan aktiviti menanam pokok bakau secara beramai-ramai telah diadakan pada 30 November 2010 bersempena dengan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara (JKTB) Bil. 6/2010 di Kuching, Sarawak.



Lawatan Tapak Dan Aktiviti Penanaman Sempena Mesyuarat JKTB Bil. 6/2010 Di Kuching, Sarawak



6.0 LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA SEPANJANG RMKe-9

6.1 STATUS KEMAJUAN FIZIKAL PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG RMKe-9


Dari tahun 2005 sehingga 2010, Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara telah menunjukkan kejayaan yang berterusan dengan pencapaian keluasan penanaman seluas 2,257.67 hektar dan jumlah pokok sebanyak 5,862,163 pokok. Jadual 24 menunjukkan pencapaian kumulatif fizikal 2005 hingga 2010 mengikut spesies.

Jadual 24 : Pencapaian Kumulatif Fizikal 2005 Hingga 2010

Negeri/Agensi	Luas (ha)	Bilangan Pokok Mengikut Spesies			
		Bakau	Rhu pantai	Spesies lain	Jumlah
Johor	181.00	444,094	12,250	16,300	472,644
Kedah	265.80	1,500,663	400	8,200	1,509,263
Kelantan	89.25	176,437	37,294	0	213,731
Melaka	13.00	14,500	1,000	1,750	17,250
N. Sembilan	70.45	212,778	0	3,865	216,643
Pahang	105.60	0	58,933	1,070	60,003
Perak	254.00	885,146	14,550	71,250	970,946
Perlis	27.30	90,924	2,197	4,768	97,889
P. Pinang	62.70	203,161	5,562	0	208,723
Selangor	158.00	388,988	0	29,500	418,488
Terengganu	68.70	6,050	43,613	0	49,663
Jumlah	1,295.80	3,922,741	175,799	136,703	4,235,243
Sabah	675.17	1,113,482	3,093	600	1,117,175
Sarawak	286.70	487,453	15,542	6,750	509,745
Jumlah Besar	2,257.67	5,523,676	194,434	144,053	5,862,163



Dari segi peratusan tanaman, seluas 1,844.33 hektar telah berjaya ditanam dengan 5,523,676 (94.23%) pokok bakau, 313.07 hektar ditanam dengan 194,434 (3.32%) pokok rhu manakala seluas 100.27 hektar pula telah berjaya ditanam dengan 144,053 (2.46%) spesies-spesies lain seperti di Rajah 5.



Rajah 5 : Pecahan Pencapaian Fizikal Kumulatif Mengikut Spesies (2005-2010)



Jadual 25 : Pencapaian Kumulatif (Mengikut Spesies) Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara Bagi Tahun 2005 - 2010

Spesies	2005		2006		2007		2008	
	Luas (ha)	Bil. pokok	Luas (ha)	Bil. pokok	Luas (ha)	Bil. pokok	Luas (ha)	Bil. pokok
Bakau	153.20	468,100.00	91.49	525,354.00	339.70	1,000,120.00	519.91	1,384,507.00
Rhu pantai	15.10	8,352.00	21.96	13,636.00	51.65	34,933.00	70.98	48,032.00
Spesies lain	1.00	150.00	0.00	0.00	7.55	15,970.00	29.40	74,581.00
Jumlah	169.30	476,602	113.45	538,990	398.90	1,051,023	620.29	1,507,120

Spesies	2009		2010		Kumulatif 2005-2010	
	Luas (ha)	Bil. pokok	Luas (ha)	Bil. pokok	Luas (ha)	Bil. pokok
Bakau	402.63	1,276,374.00	337.40	869,221.00	1,844.33	5,523,676.00
Rhu pantai	80.66	48,657.00	72.72	40,824.00	313.07	194,434.00
Spesies lain	43.58	32,402.00	18.74	20,950.00	100.27	144,053.00
Jumlah	526.87	1,357,433	428.86	930,995	2,257.67	5,862,163

Spesies lain terdiri daripada:

Nyireh, Nipah, Rhu pantai, Gelam, Kelat jambu laut, Bintangor laut, Tembusu

Nota Tambahan :

1. Penanaman Semasa Kempen Kesedaran : 10,965 pokok
 2. NGO dan Masyarakat Tempatan : 149,264 pokok
 3. Penanaman Kumulatif Jabatan Perhutanan : 5,862,163 pokok
- JUMLAH KESELURUHAN : 6,022,392 pokok**



6.2 STATUS PERUNTUKAN KEWANGAN SEPANJANG RMKe-9

Sejumlah RM21,309,810.00 telah diperuntukkan untuk kos-kos pengurusan, pemantauan dan penilaian projek bagi setiap Jabatan Perhutanan Negeri dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk melaksanakan program penanaman serta kesedaran alam sekitar manakala sejumlah RM5,150,000.00 telah diagihkan kepada Jabatan Perhutanan Sabah dan RM4,728,000.00 pula kepada Jabatan Hutan Sarawak bagi tujuan yang sama. Bagi tujuan pelaksanaan program, sebanyak RM7,000,000.00 telah diperuntukkan kepada FRIM bagi tujuan penyelidikan. Pada keseluruhannya, sejumlah RM38,187,810.00 telah diperuntukkan sepanjang RMKe-9 (Jadual 26).

Jadual 26 : Pencapaian Kumulatif Peruntukan Kewangan Bagi Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara Bagi Tahun 2006 – 2010

Jabatan	Peruntukan Mengikut Tahun (RM)					Kumulatif
	2006	2007	2008	2009	2010	
JPSM	1,700,000.00	4,000,000.00	6,000,000.00	4,922,000.00	4,687,810.00	21,309,810.00
JP Sabah	150,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	1,000,000.00	1,000,000.00	5,150,000.00
JH Sarawak	150,000.00	1,000,000.00	1,000,000.00	1,578,000.00	1,000,000.00	4,728,000.00
FRIM	-	2,000,000.00	2,000,000.00	2,000,000.00	1,000,000.00	7,000,000.00
Jumlah	2,000,000.00	8,500,000.00	10,500,000.00	9,500,000.00	7,687,810.00	38,187,810.00

